

## **Kesan penggunaan teknik KWLH dalam kemahiran membaca kalangan murid sekolah jenis kebangsaan Cina**

### **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesan penggunaan Teknik *know, what, learned and how* (*KWLH*) terhadap kemahiran membaca dalam kalangan murid sekolah jenis kebangsaan Cina (SJJC). Teknik *KWLH* merupakan teknik yang dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca mentalis murid. Kajian ini telah dijalankan kepada 66 orang sampel kajian tahun 4 di sebuah SJJC bagi mengetahui kesan penggunaan teknik ini terhadap skor soalan pemahaman yang diberikan. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan kemahiran membaca mentalis murid sebelum dan selepas rawatan iaitu teknik *KWLH* bagi kumpulan eksperimen. Dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penguasaan skor kemahiran membaca mentalis dalam kalangan murid-murid dalam praujian. Namun begitu, terdapat perbezaan yang signifikan dalam penguasaan skor kemahiran membaca mentalis dalam kalangan murid-murid dalam pascaujian setelah mereka melalui pembelajaran kemahiran membaca dengan menggunakan teknik *KLWH*. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa teknik ini mempunyai kekuatan iaitu dapat meningkatkan tahap penguasaan kemahiran membaca murid secara mentalis. Oleh itu, Teknik *KWLH* boleh diaplikasikan oleh guru dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan sebagai satu usaha dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid SJJC.

**KataKunci:** Teknik *KWLH*; Kemahiran membaca mentalis; Murid SJJC